

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 57)

(SOALAN NO.3 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN NO.33)

(SOALAN NO. 9 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN NO.12)

19 NOVEMBER 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]
TARIKH : 19 NOVEMBER 2015
SOALAN :

YB Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan sudah membuat kajian baik buruk mengenai restoran 24 jam terhadap kesan sosial dan kesihatan kepada penduduk di negara ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius terhadap peningkatan masalah kesihatan terutamanya masalah obesiti dan penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan yang berpunca daripada tabiat pengambilan makanan di kalangan rakyat Malaysia. Namun, setakat ini tidak ada sebarang kajian mengenai baik buruk restoran 24 jam terhadap kesan sosial dan kesihatan kepada penduduk di negara ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Hasil Kajian Pengambilan Makanan Orang Dewasa Malaysia (*Malaysian Adults Nutrition Survey, MANS*) 2014, menunjukkan bahawa makan lewat malam merupakan amalan rakyat Malaysia. Sebanyak 21.7% rakyat makan di restoran dan 16.5% makan di gerai. Kewujudan tempat-tempat makan yang beroperasi sehingga lewat malam boleh menarik sebilangan pengguna untuk mengambil makanan pada lewat malam. Pengambilan makanan pada lewat malam juga merupakan tabiat makan yang kurang sihat yang boleh menyumbang kepada masalah berlebihan berat badan dan obesiti di kalangan rakyat. Salah satu cara bagi mengurangkan risiko mengalami masalah tersebut, disarankan agar sebaik-baiknya makan empat (4) jam sebelum tidur.

Kajian yang komprehensif dan melibatkan pelbagai peringkat bagi mengenal pasti kaitan antara restoran 24 jam dengan kesihatan ini dimasukkan dalam senarai Prioriti Penyelidikan Pemakanan untuk Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020).

SOALAN NO. : ~~27~~ 11

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : DR047

SOALAN:

Dato' Sri Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat meluluskan lebih banyak Projek Tebatan Banjir bagi menyelesaikan masalah-masalah banjir dan air naik yang semakin meruncing bahkan di kawasan luar bandar seperti cadangan Projek Tebatan Banjir Mukim Kupang di Parlimen Baling.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya menjadi hasrat kerajaan untuk memberi keselesaan kepada rakyat terutamanya dalam menyelesaikan isu dan masalah banjir di seluruh negara. Sehubungan itu, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM730 juta dalam Bajet 2016 bagi pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) seluruh negara. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga telah mengangkat permohonan di bawah RMKe-11 bagi pelaksanaan projek RTB di kebanyakan tempat di negeri Kedah. Walau bagaimanapun, projek RTB Baling masih belum diluluskan dalam *Rolling Plan 1 (RP1)* RMKe-11. Pihak Kementerian akan mengangkat semula permohonan tersebut pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : KHAMIS, 19 NOVEMBER 2015
RUJUKAN : L7 [PR-1333-L71500]
SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan usaha menaik taraf Jalan Alor, Kuala Lumpur sebagai destinasi dan tarikan pelancong di pusat bandar raya

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil maklum bahawa Jalan Alor merupakan salah satu lokasi utama bagi tarikan pelancong di kawasan Bukit Bintang. Sehubungan itu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membuat tinjauan secara khusus di lokasi tersebut bagi menilai kelebihan dan potensi sedia ada, peluang penambahbaikan serta cadangan penaik tarafan infrastruktur.

Sehubungan itu, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memulakan inisiatif untuk mengindahkan Jalan Alor melalui kerja-kerja menaik taraf infrastruktur sedia ada bagi meningkatkan imej Jalan Alor sebagai destinasi pelancongan utama di Kuala Lumpur. Secara umumnya, penaik tarafan infrastruktur ini bukan sahaja akan memelihara keaslian premis-premis asal tetapi juga akan direka bentuk secara kreatif mengikut trend terkini serta moden dan mampu menarik perhatian pengunjung yang datang.

Skop kerja penaik tarafan ini terdiri daripada 2 Fasa di mana dalam Fasa 1, kerja-kerja merangkumi pengubahsuaian binaan tambahan kepada struktur sedia ada seperti mengecat, pemasangan kanopi dan papan tanda perniagaan, sistem pengurusan sisa pepejal yang moden, sistem kawalan perparitan dan longkang, kemas *concrete imprint* di atas permukaan jalan raya, laluan pejalan kaki serta sistem pencahayaan lampu jalan.

Dalam Fasa 2, penaik tarafan meliputi pembinaan 73 unit gerai baru, hiasan landskap yang ikonik, kawasan pejalan kaki berbumbung dan penyusunan semula sistem perparitan longkang serta jalan raya.

Dengan inisiatif yang dilaksanakan, adalah menjadi harapan Kementerian ini supaya Bandar raya Kuala Lumpur akan diiktiraf sebagai salah satu destinasi utama pelancong-pelancong dalam dan luar negara terutamanya bagi penggemar makanan dan hiburan. Melalui pengiktirafan seumpama ini, kemakmuran ekonomi setempat akan meningkat dan membolehkan kehidupan masyarakat yang lebih sejahtera.